

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MIMBAR MAJU DEVELOPMENT SDN BHD
ALOR SETAR, KEDAH

OLEH

INTAN NORHAIDA BT AYOB
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

1100044991



LI 14 FPE 4 2005



1100044991
Laporan akhir latihan industri di Mimbar Maju Development
Sdn. Bhd., Kedah / Intan Norhaida Ayob.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100044991		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

I
H
PE
40
005

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan penerapannya yang dipelajari semasa mata pelajaran tersebut. Inisiatif dan tanggungjawab ini adalah sepenuhnya kepada pelajar yang terlibat. **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.**

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MIMBAR MAJU DEVELOPMENT SDN. BHD
ALOR SETAR
KEDAH

OLEH

INTAN NORHAIDA BT AYOB
SARJANA MUDA PENGURUSAN PEMASARAN
(UK 8163)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
(KUSTEM)
2005

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN


Dengan ini saya, **INTAN NORHAIDA BINTI AYOB** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



INTAN NORHAIDA BINTI AYOB
14 November 2005

Disahkan Oleh:



Tuan Hj. Manan Bin Ali.

Penyelia KUSTEM

b/p Pengurusan Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah, dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya pelatih telah pun tamat menjalankan latihan industri di Mimbar Maju Development Sdn. Bhd. bermula pada 21 Mac sehingga 9 Jun 2005 dan seterusnya dapat menyediakan laporan industri ini.

Ribuan terima kasih pelatih ucapkan kepada Encik Zaidi bin. Ahmad selaku Pengarah Urusan dan Penyelia Industri pelatih di Mimbar Maju Development Sdn. Bhd di atas kesudian beliau memberi peluang kepada pelatih menjalankan latihan industri di syarikat beliau. Tidak dilupa juga kepada Pn. Maizan bt. Hj. Abd Rashid yang merupakan Pengurus Mimbar Maju Development Sdn. Bhd dan Encik Ahmad bin. Saad yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang pelatih menjalani latihan industri.

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Penyelia Kustem iaitu Tuan. Hj Manan bin Ali di atas bantuan dan tunjuk ajar beliau kepada pelatih untuk menyediakan laporan industri ini. Tidak lupa juga kepada penyelaras Jabatan Pemasaran iaitu En. Ahmad Rusdi Abdullah yang bekerja keras menguruskan penempatan untuk latihan industri.

Kepada ibu tersayang dan seluruh ahli keluarga yang lain, terima kasih diucapkan kerana dorongan dan semangat yang diberikan untuk membantu pelatih menyempurnakan tugas ini.

Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih ini dtujukan kepada semua yang terlibat samaada secara langsung atau tidak langsung di atas bantuan dan dorongan kalian. Semoga jasa baik anda semua akan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah S.W.T dan usaha pelatih ini diberkati Allah hendaknya.

Wassalam

PRAKATA

Latihan industri ini adalah kursus wajib untuk memenuhi keperluan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), yang merangkumi 6 jam kredit. Kursus ini dilaksanakan selama 12 minggu iaitu bermula 20 Mac 2005 hingga 12 Jun 2005. Latihan Industri turut mempunyai beberapa objektif :

Pertama, agar pelajar mendapat pengalaman sebenar dan kemahiran asas professional pekerjaan dalam bentuk latihan yang berkaitan dengan program pengajian yang sedang diikuti.

Kedua, supaya pelajar mampu mengaplikasikan bidang pengajian ke dalam dunia pekerjaan. Ini dapat menilai sejauh mana kemahiran pelajar menguasai teori yang dipelajarinya di bilik kuliah kepada realiti.

Ketiga, menjalankan dan mengekalkan hubungan dengan alam professional dalam bidang masing-masing iaitu dapat menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Kesimpulannya, latihan industri ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada setiap pelajar tentang bidang-bidang kerjaya yang akan diceburi pada suatu masa nanti

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	ii
PRAKATA	iv
SENARAI GAMBARAJAH	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	iv
BAB 1 : LATAR BELAKANG SYARIKAT	
1.1 PENGENALAN	1
1.1.1 Sejarah Ringkas Mimbar Maju Development Sdn. Bhd (MMD)	
1.1.2 Pemilikan	3
1.1.3 Tumpuan Pemasaran	4
1.1.4 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	6
1.2 MAKLUMAT ORGANISASI	8
1.3 CARTA ORGANISASI	11
1.3.1 Senarai Tugas dan Tanggungjawab	12
1.3.2 Syarikat-Syarikat Bersekutu	15
1.4 AKTIVITI-AKTIVITI ORGANISASI	16
1.5 KEMAHIRAN YANG INGIN DIPELAJARI	18

BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH

2.1 PENEMUAN DI UNIT PEMBANGUNAN	20
SUMBER MANUSIA	
2.1.1 Sistem 1: Proses Memperbaharui PLKS	22
2.1.2 Pengenalpastian Masalah	25
2.1.3 Rumusan Analisis dan Punca Masalah	27
2.1.4 Cadangan Penyelesaian	29
2.1.5 Implikasi Cadangan	31
2.2 PENEMUAN DI UNIT OPERASI	33
2.2.1 Sistem 2 : Proses Tawaran	34
2.2.2 Pengenalpastian Masalah	37
2.2.3 Rumusan Analisis dan Punca Masalah	38
2.2.4 Cadangan Penyelesaian	40
2.2.5 Implikasi Cadangan	42

2.3 PENEMUAN DI UNIT HARDWARE	43
2.3.1 Sistem 3 : Sistem Jualan Tunai	44
2.3.2 Pengenalpastian Masalah	46
2.3.3 Rumusan Analisis dan Punca Masalah	49
2.3.4 Cadangan Penyelesaian	52
2.3.5 Implikasi Cadangan	55
 BAB 3 : PENUTUP	 56
 RUJUKAN	
 LAMPIRAN	

SENARAI GAMBARAJAH

RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1 : Senarai Kakitangan Dan Tugas-tugas	9
Rajah 2 : Logo Mimbar Maju Development Sdn. Bhd	10
Rajah 3 : Carta Organisasi Syarikat	11
Rajah 4 : Carta Organisasi Syarikat-Syarikat Bersekutu	15
Rajah 5 : Proses Memperbaharui PLKS	22
Rajah 6 : Proses Tawaran	34
Rajah 7 : Sistem Jualan Tunai	44

RINGKASAN EKSEKUTIF

Mimbar Maju Development Sdn.Bhd. merupakan syarikat milik bumiputera sepenuhnya yang terbabit dalam sektor pembinaan. Syarikat berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) gred G7. Mimbar Maju Development Sdn.Bhd. adalah anak syarikat di bawah Mimbar Maju Holding Sdn.Bhd.. Mimbar Maju Holding Sdn.Bhd. mempunyai 7 anak syarikat yang aktif dalam bidang yang berbeza tetapi ada hubungkait dengan sektor pembinaan.

Terdapat tiga penemuan utama yang di perolehi di dalam unit yang berbeza semasa menjalankan latihan industri di syarikat ini. Masalah utama di temui di unit pengurusan sumber manusia. Pihak pengurusan mengalami masalah kesukaran dan kelewatan untuk mendapatkan buruh binaan untuk berkerja di sektor binaan. Banyak kerja-kerja pembinaan tertangguh kerana ketiadaan pekerja. Syarikat amat memerlukan buruh asing khususnys untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan tersebut.

Masalah kedua yang ditemui adalah di unit operasi. Syarikat turut menanggung masalah kesukaran untuk mendapatkan projek baru selain daripada saingan di kalangan kontraktor yang sedia ada. Pengurangan dalam bilangan projek pembinaan mungkin disebabkan oleh peruntukan yang kecil bagi projek pembinaan.

Masalah ketiga wujud di dalam unit pengurusan hardware. Kelemahan unit ini adalah untuk menguruskan aliran wang tunai dengan cekap dan menyebabkan syarikat menghadapi kekurangan pada baki akhir.

Dengan perkembangan industri binaan yang pesat di negara kita, maka sudah tentu penting bagi memperkembangkan lagi ilmu pengurusan binaan dan perlaksanaan sistem yang komprehensif untuk memastikan setiap projek binaan akan berjalan dengan licin dan terjamin pelaksanaannya.

Kepakaran pengurusan dan teknikal yang mencukupi dan berpengalaman dapat membantu syarikat untuk melaksanakan projek-projek dengan licin, teratur dan menepati piawai yang ditetapkan. Selain itu, syarikat mempunyai kemampuan meningkatkan daya saing industri pembinaan serta menyumbang kepada pembangunan negara bagi mencapai Wawasan 2020.